

## MIRTAZAPINE

### A. APAKAH KEGUNAAN UBAT INI?

- Ubat ini digunakan untuk merawat penyakit kemurungan.



### B. BAGAIMANA UBAT INI BERTINDAK?

- Ubat ini bertindak dengan mengawal keseimbangan bahan kimia di otak.

### C. BAGAIMANA UBAT INI DIGUNAKAN?

#### A. CARA MAKAN

- Makan ubat ini seperti diarahkan oleh doktor.
- Ubat ini boleh dimakan sebelum atau selepas makan
- Ubat ini perlu diambil secara berterusan dan pada waktu yang sama



#### B. JIKA TERLUPA

- Makan dos yang terlupa sebaik sahaja teringat TETAPI abaikan dos tersebut jika telah hampir masa untuk dos seterusnya.
- Jangan gandakan dos ubat untuk menggantikan dos yang terlupa.

#### C. BAGAIMANAKAH ANDA PERLU MENYIMPAN UBAT INI?

- Simpan ubat dalam bekas asal pada suhu bilik (23°C - 27°C), jauh dari haba, kelembapan dan cahaya matahari.
- Jauhkan daripada kanak-kanak.

## D. PERINGATAN !!!



### ➤ SEBELUM MENGAMBIL UBAT INI

Maklumkan kepada doktor jika anda;

- Mempunyai penyakit hati, penyakit buah pinggang, penyakit jantung, masalah tiroid atau penyakit sawan.
- Mengambil sebarang ubat, vitamin, produk herba atau makanan kesihatan tambahan, kerana ia mungkin bertindakbalas dengan ubat ini.
- Sekiranya anda hamil, merancang untuk hamil dan memberi susu badan

### ➤ SEMASA MENGAMBIL UBAT INI

Maklumkan kepada doktor jika anda;



- Mengalami kesan sampingan yang berlarutan (contoh: keinginan untuk membunuh diri)
- Didapati hamil dan memberi susu badan
- Mengalami alahan/alergi kepada ubat ini

Ubat ini boleh menyebabkan pening dan mengantuk. Elak daripada memandu atau menggunakan mesin atau alat yang memerlukan tumpuan penuh.

# **AMARAN !!**

**SEKIRANYA  
TANDA-  
TANDA INI  
BERLARUTAN  
SILA  
RUJUK  
DOKTOR**

## **E. KESAN SAMPING UBAT**

■ Pesakit mungkin akan mengalami kesan-kesan berikut:

- Pening/sakit kepala
- Pertambahan berat badan
- Mulut kering

■ Pesakit perlu melaporkan kepada doktor atau ahli farmasi sekiranya mengalami kesan seperti berikut:

- Mempunyai keinginan untuk membunuh diri
- Sawan

Rujukan:

- Drugs.com
- <https://www.medicines.org.uk/emc/files/pil.531.pdf>
- Risalah maklumat ubat : Remeron Soltab®

---

Sebarang pertanyaan mengenai ubat-ubatan, sila hubungi Jabatan Farmasi, Hospital Universiti Sains Malaysia. 09-7673000 sambungan:

Unit Farmasi Klinikal dan Maklumat Drug : 3384/3386

Unit Farmasi Pesakit Luar : 3393/3394

---